

KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

SENDIKET PENIPUAN MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI PENGUASA CIDB

KUALA LUMPUR, 12 Oktober : Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengingatkan agar semua kontraktor binaan di seluruh negara berwaspada dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai penguasa CIDB.

Ini berikutan terdapat laporan diterima CIDB daripada kontraktor yang mendakwa telah dihubungi individu tertentu yang mengaku sebagai pegawai penguasa CIDB menerusi panggilan telefon dan meminta sejumlah bayaran.

Modus operandi sindiket ini dikatakan adalah mengenalpasti tapak bina yang bermasalah di seluruh negara kemudian menghubungi kontraktor yang bertanggungjawab ke atas projek berkenaan untuk menyediakan sejumlah wang bagi mengelak tindakan lebih berat diambil ke atas mereka mengikut Akta 520 (Pindaan 2011) CIDB.

CIDB dengan ini mengesahkan bahawa agensi yang bernaung di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) ini TIDAK pernah melantik atau mengeluarkan apa-apa arahan kepada pegawai CIDB (secara individu) sama ada menerusi panggilan telefon, teks pesanan ringkas (SMS) ataupun email untuk meminta sejumlah bayaran mahupun untuk melawat tapak bina.

Oleh yang demikian, beberapa langkah yang boleh diambil oleh kontraktor sekiranya menerima panggilan daripada sindiket ini adalah dengan mendapatkan butir-butir lanjut pemanggil seperti nama penuh pemanggil, nombor telefon, alamat pejabat dan maklumat lain yang dianggap penting sebagai pengesahan.

Pada masa yang sama cuba dapatkan Kad Kuasa Pegawai Penguasa berkenaan sekiranya sindiket berkenaan ingin membuat penguatkuasaan di tapak bina disamping

mencatat nombor plat kenderaan yang dipandu dan mengambil gambar pegawai berkenaan jika perlu.

Justeru, CIDB sekali lagi menasihatkan agar semua kontraktor tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap apa-apa arahan atau permintaan daripada sendiket berkenaan menerusi telefon, SMS atau email melainkan merujuk kepada CIDB terlebih dahulu dengan menghubungi CIDB Careline di 1 300 88 CIDB (2432) atau CIDB cawangan negeri terdekat untuk membuat pertanyaan atau pengesahan.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867